

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PEMBUKAAN RASMI PUSAT DOWN
Lokasi : NO. 59, JALAN GASING, PETALING JAYA
Tarikh : 11-07-1990

Yang Berhormat Encik Woon See Chin, Timbalan Menteri Pendidikan; Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Khir Johari, Charter Presiden Kiwanis Club Kuala Lumpur; Yang Berbahagia Encik Richard Leow, Presiden Kelab Kiwanis; Yang Berbahagia Dr. Neville Fernandez, Pengerusi Pusat Down's Syndrome Kiwanis; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya berasa amat gembira kerana berpeluang hadir dalam majlis ini dan seterusnya merasmikan Pusat Down Sindrom Kiwanis sebentar lagi.

Kita amat bersyukur kepada Tuhan kerana didapati dalam negara Malaysia yang aman damai, makmur dan sejahtera ini, orang-orang dan kumpulan-kumpulan yang sentiasa peka dan berhati mulia mengambil berat tentang kumpulan-kumpulan lain yang kurang bernasib baik.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Kelab Kiwanis Kuala Lumpur kerana membawa perhatian orang ramai kepada Down Sindrom dengan penubuhan Pusat Down Sindrom Kiwanis ini.

3. Saya mula mendengar mengenai Kiwanis bukan daripada negara sendiri tetapi daripada Amerika Syarikat pada tahun 1985 semasa saya menghadiri satu Persidangan mengenai Pencegahan Penagihan Dadah di Washington dan Atlanta. Ahli-ahli Kiwanis telah menyertai sama dalam Persidangan itu dan sama-sama mengambil peranan utama dalam usaha-usaha Kerajaan membanteras penagihan dadah yang berleluasa di negara tersebut. Saya percaya khidmat ini juga menjadi salah satu perkhidmatan kelab-kelab Kiwanis di Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Kebanyakan orang beranggapan mempunyai anak yang mengidap penyakit Down Sindrom sebagai suatu kejadian yang malang, baik untuk anak itu ataupun untuk keluarganya. Namun demikian, bagi kebanyakan kebudayaan dan agama, mempunyai anak yang cacat disifatkan sebagai satu takdir yang telah ditentukan oleh Tuhan, dan keluarga berkenaan memang telah dipilih serta diberi restu untuk menjaga bayi yang istimewa seperti ini. Dalam konteks ini, Kelab Kiwanis di anggap 'istimewa' kerana berpeluang membantu kanak-kanak yang luarbiasa ini.

5. Biasanya di dalam negara yang membangun seperti negara kita, banyak isu-isu seperti jurang perbezaan ekonomi yang begitu ketara dan kekurangan kemudahan-kemudahan fizikal, sering menimbulkan kekecuaan sosial. Tetapi, dalam negara kita, sebaliknya, terdapat beberapa kumpulan masyarakat seperti Kelab Kiwanis yang dengan sukarela menyediakan sebuah pusat bagi membantu kanak-kanak bermasalah. Ini adalah suatu usaha yang membanggakan kita semua. Kanak-kanak ini jika tidak diberi bantuan kesannya bukan hanya akan menjejaskan keupayaan mereka sendiri untuk meniti hidup sama seperti manusia lain malahan akan memberi kesan kepada ahli-ahli keluarga itu sendiri dan menjejaskan keupayaan mereka berfungsi sebagai sebuah keluarga yang normal.

6. Dalam usaha membantu kanak-kanak yang mengidap penyakit Down Sindrom ini dan keluarga mereka, Kelab Kiwanis telah membuat pilihan yang tepat. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah di atas segala usaha mereka yang cemerlang setakat ini.

7. Namun demikian, masih banyak lagi tugas yang perlu dijalankan. Saya difahamkan Kelab ini telah melancarkan satu program pra-pendidikan. Apa yang perlu dibuat dengan secepat mungkin sekarang ialah menyediakan pula kemudahan lanjutan untuk pendidikan ke peringkat sekolah rendah. Saya berharap Kelab Kiwanis akan mendapat sokongan dan bantuan daripada segi pembiayaan dan kepakaran bagi menjayakan pelaksanaan rancangan yang berterusan dan bermakna untuk perkembangan kanak-kanak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Down Sindrom ini adalah semulajadi dan kanak-kanak ini sentiasa kelihatan gembira. Peluang untuk mereka hidup selesa dan menjadi orang-orang dewasa yang berguna kepada masyarakat adalah cerah. Saya telah berpeluang melawat perusahaan Syarikat Philips di Eindhoven, Nederlands beberapa tahun dahulu dimana terdapat berpuluh-puluh pekerja-pekerja perusahaan terdiri dari orang-orang berDown Sindrom. Mereka berjaya membuat bahan-bahan keluaran Philips yang mudah bagi mereka. Pengurus Perusahaan Philips itu berkata bahawa pekerja-pekerjanya amat riang sekali dan menghasilkan kerja yang memuaskan. Ini menunjukkan bahawa jika diberi peluang dan dilatih dengan tertentu pengidap-pengidap Down Sindrom ini boleh berdikari malahan akan dapat menyumbangkan tenaga mereka kepada negara. Oleh yang demikian, usaha Kelab Kiwanis Kuala Lumpur mengadakan Pusat Down Sindrom ini adalah usaha yang mulia, lagi terpuji dan digalakkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kelab Kiwanis kerana memberi peluang kepada saya merasmikan Pusat Down Sindrom yang pertama di Malaysia.

Pembukaan Pusat ini merupakan satu titik sejarah dalam usaha menyediakan perkhidmatan sosial yang komprehensif. Saya berharap Kelab ini akan mencapai kejayaan dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran di masa akan datang.

10. Dengan ini, saya dengan sukacitanya membuka Pusat Down Sindrom ini dengan rasminya.

Sekian.